

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL  
[ SEKIJANG ]**

**TARIKH : 4 JULAI 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 64**

Minta **MENTERI HAL EHWAL EKONOMI** menyatakan sama ada pihak Kerajaan bercadang untuk membuka semula fail permohonan tanah FELCRA bagi penduduk yang layak dan membenarkan pihak Pengurusan FELCRA untuk menilai semula pemilihan peserta sebelum ini yang mungkin tidak telus.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha melaksanakan penyatuan dan pemuliharaan tanah-tanah terbiar, FELCRA telah memajukan tanah-tanah milik Kerajaan Negeri dan juga individu. Bagi tanah Kerajaan Negeri, ianya dimajukan oleh FELCRA di bawah Akta GSA (*Group Settlement Area*) 1960.
2. Bagi tanah milik Kerajaan Negeri, FELCRA akan memajukan sesebuah projek (ladang) setelah mendapat kelulusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN). Manakala, proses pengambilan peserta akan diuruskan setelah projek berhasil, iaitu bermula tahun keempat bagi tanaman kelapa sawit dan tahun ketujuh bagi tanaman getah. Proses pemilihan peserta adalah di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.
3. Sekiranya terdapat kekosongan peserta bagi sesebuah projek di bawah tanah milik Kerajaan Negeri, FELCRA akan memaklumkan kepada Kerajaan Negeri bagi tujuan pengisian mengikut prosedur pengambilan peserta yang telah ditetapkan. Dimaklumkan bahawa peserta-peserta yang terpilih dikehendaki menandatangani perjanjian dengan FELCRA, bagi melindungi kedua-dua pihak terutama dari segi urusan hak milik, manfaat-manfaat yang patut diterima oleh peserta, status mutlak bahawa peserta berkenaan adalah peserta FELCRA dan sebagainya.
4. Kerajaan menyambut baik cadangan Ahli Yang Berhormat untuk membenarkan pihak Pengurusan FELCRA turut diberikan lebih peranan di dalam Jawatankuasa Pemilihan Peserta seperti turut berperanan dalam menilai semula proses pemilihan peserta, daripada hanya bertindak sebagai Urusetia sahaja.